



ستياوسها كراجان ترغكانو
SETIAUSAHA KERAJAAN
TERENGGANU

السلام عليكم.

SURAT KITA : SUK.TR.100/128 Jld.3-(24)
BERTARIKH : 04 Syaaban 1433
BERSAMAAN : 24 Jun 2012

Semua Ketua Jabatan Negeri Terengganu
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu
Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri Terengganu

Tuan,

**PEKELILING PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU
BIL. 14 TAHUN 2012**

**LAWATAN RASMI KELUAR NEGARA OLEH
KETUA JABATAN DAN TIMBALANNYA/PEGAWAI PALING KANAN**

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. **Sukacita** dimaklumkan Pentadbiran Negeri telah memutuskan bahawa lawatan rasmi keluar negara yang melibatkan Ketua Jabatan dan Timbalannya/Pegawai Paling Kanan ke destinasi dan tarikh yang sama tidak dibenarkan. Sehubungan itu, bagi memastikan semua urusan pejabat berjalan dengan lancar, hanya salah seorang pegawai sahaja yang akan dibenarkan menyertai lawatan rasmi keluar negara sama ada Ketua Jabatan atau Timbalannya/Pegawai Paling Kanan sekiranya tarikh lawatan tersebut adalah sama.


3. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2012** dan dipanjangkan pemakaiannya kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Badan Berkanun Negeri.

Sekian, terima kasih.

- MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN -

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HAJI MAZLAN BIN NGAH)

...2/-



- 2 -

Edaran Dalaman :

Semua Penolong Kanan Setiausaha Kerajaan
(Pengurusan Sumber Manusia)
Pejabat Setiausaha Kerajaan
TERENGGANU.

Semua Penolong Setiausaha Kerajaan
(Pengurusan Sumber Manusia)
Pejabat Setiausaha Kerajaan
TERENGGANU.

Semua Penolong Pegawai Tadbir
(Pengurusan Sumber Manusia)
Pejabat Setiausaha Kerajaan
TERENGGANU.

Semua Ketua Unit
(Pengurusan Sumber Manusia)
Pejabat Setiausaha Kerajaan
TERENGGANU.

Bahagian Perpustakaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
TERENGGANU.

Fail Pekeliling.

Fail Timbul.